



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA ENCIK JAAPAR BIN HJ MOHD ARIS**  
**MENGENAI KERJAYA BELIAU DALAM SUKAN BINA BADAN**  
**DI MALAYSIA**  
**PADA TAHUN 1958 - 2014**

**DISEDIAKAN OLEH:**  
**MUHAMAD HUDAIFIE BIN ZULKIFLI (2012920707)**  
**SHAHILIL BIN AMIR SHARIFUDDIN (2012534755)**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SEGAMAT**  
**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**  
**IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**BAGI SEMESTER 05 MAC 2014/ JULAI 2014**

## **IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan**

---

### **Isi Kandungan**

|                                      |                   |
|--------------------------------------|-------------------|
| <b>1.0 Penghargaan</b>               | <b>ii</b>         |
| <b>2.0 Abstrak</b>                   | <b>iii</b>        |
| <b>3.0 Singkatan</b>                 | <b>iv</b>         |
| <b>4.0 Biodata Penulis</b>           | <b>v-vi</b>       |
| <b>5.0 Pengenalan</b>                | <b>vii - viii</b> |
| <b>6.0 Transkrip Wawancara</b>       | <b>1-64</b>       |
| <b>7.0 Log Wawancara</b>             | <b>65-68</b>      |
| <b>8.0 Kronologi</b>                 | <b>68-70</b>      |
| <b>9.0 Biodata Tokoh</b>             | <b>71</b>         |
| <b>10.0 Senarai Soalan Wawancara</b> | <b>72-85</b>      |
| <b>11.0 Ralat</b>                    | <b>86</b>         |
| <b>12.0 Senarai Rujukan</b>          | <b>87</b>         |
| <b>13.0 Lampiran</b>                 | <b>88</b>         |
| <b>14.0 Indeks</b>                   | <b>89-90</b>      |

## IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan

---

### 1.0 PENGHARGAAN

*Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.*

*Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 603 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Encik Faizal bin Mohd Ramsi yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.*

*Encik Jaapar Bin Hj Mohd Aris, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan isteri beliau, Arfah binti Arshad yang telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai tokoh. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.*

*Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.*

*Sekian terima kasih.*

**1.0 ABSTRAK**

**Transkrip Temubual Bersama Encik Jaapar Mengenai Pembabitan Beliau**

**Dalam Bidang Sukan Bina Badan.**

*Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Jaapar mengenai kerjaya beliau dalam sukan bina badan ini yang sudah hampir 56 tahun berkecimpung dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam kedai beliau iaitu Pengkalan Seri Anjung, Segamat pada 6 Jun 2014 bermula jam 10 pagi. Beliau merupakan seorang atlet bina badan yang paling lama di daerah Segamat ini kerana telah menceburkan diri dari zaman beliau muda sehingga ke hari ini masih aktif. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau semasa bergelar seorang atlet bina badan. Selain itu temubual ini menumpukan tentang pengalaman beliau lalui sepanjang bergelar seorang atlet bina badan. Selain itu juga, beberapa pendapat beliau tentang sukan bina badan kepada anak-anak muda juga turut dikupas.*

*Kata kunci: Encik Jaapar bin Mohd Aris, atlet bina badan. Pengkalan Seri Anjung.*

## **IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan**

---

### **3.0 SINGKATAN**

**TM – TELEKOM MALAYSIA**

**JMA – JAAPAR MOHD ARIS**

**MHZ – MUHAMAD HUDAIFIE ZULKIFLI**

**SAS – SHAHLIL BIN AMIR SHARIFUDDIN**

**MR KL- MISTER KUALA LUMPUR**